

Kertas Bil. 8/2016



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESUARAT
KETIGA PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 30 OKTOBER, 2 – 6 NOVEMBER DAN
11 – 13 NOVEMBER 2015**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA
TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR
BERHUBUNG MASALAH PEMBERIAN PERAKUAN SIAP DAN
PEMATUHAN (CERTIFICATE OF COMPLETION AND
COMPLIANCE “CCC”)**

KERTAS BILANGAN 84/2015

LAMPIRAN II

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG MASALAH PEMBERIAN PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CERTIFICATE OF COMPLETION AND COMPLIANCE "CCC") YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 OKTOBER, 2-6 NOVEMBER DAN 11-13 NOVEMBER 2015

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju		Tidak Setuju		Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan
			Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Tidak Setuju	
84	PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG MASALAH PEMBERIAN PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CERTIFICATE OF COMPLETION AND COMPLIANCE "CCC")	<p>5.1 PBT perlu memeriksa dan meneliti secara terperinci dan memastikan pemaju pemaju mematuhi kesemuanya pelan pembangunan, syarat-syarat yang dikenakan dan piawaian pembangunan dan pembinaan yang telah ditetapkan sebelum memberi sokongan kepada barang G1 hingga G21 yang berkenaan supaya kediaman atau kawasan pembangunan itu selamat dan selesa untuk diidami.</p> <p>5.2 Selain itu, mutu kerja pembinaan yang rendah dalam pembinaan kemudahan infrastruktur perlu diberi perhatian serius kerana ia akan diserahkan kepada PBT. Jawatankuasa berpendapat bahawa pihak PBT tidak wajar menanggung kos-kos pembakaian ini yang berlaku atas kesilapan pemaju dan kecuaian PBT sendiri.</p>	Ya.		Ya.		Bagi sesuatu pembangunan, kerja-kerja penyediaan dan pembinaan kemudahan infrastruktur seperti jalan, parit dan komponennya adalah dilaksanakan oleh pihak pemaju. Kerja-kerja pembinaan tersebut diseia, dipantau dan dipertanggungjawabkan kepada Jurutera Perunding yang memajukan pelan (SP). Majlis hanya membuat pemantauan dari masa kesemasa dan berdasarkan kepada permohonan oleh pihak Juruperunding bagi membuat lawatan pemeriksaan tapak bersama semasa pembinaan sedang dilaksanakan. Teguran-teguran semasa pembinaan di tapak yang sedang dilaksanakan dikeluarkan sekitaranya perlu.

EAN YONG HIAN WAH
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan

LAMPIRAN II

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG MASALAH PEMBERIAN PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CERTIFICATE OF COMPLETION AND COMPLIANCE "CCC") YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 OKTOBER, 2-6 NOVEMBER DAN 11-13 NOVEMBER 2015

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan
					<p>Bagi menjamin dan memastikan pihak majlis tidak akan menanggung apa-apa kos pembaikan sekiranya berlaku sebarang kerosakan berkaitan infrastruktur jalan, parit dan komponennya, pihak pemaju dikehendaki mendepositkan sejumlah wang cagaran sebelum sokongan borang G17 (perakuan berperingkat jalan dan parit) dikeluarkan.</p> <p>Pihak pemaju adalah bertanggungjawab untuk menyelenggara kemudahan infrastruktur tersebut dalam tempoh setahun selepas CCC dikeluarkan atau sehingga diambil alih oleh majlis. Sebarang kerosakan di dalam tempoh tersebut kos pembaikan adalah ditanggung oleh pihak pemaju.</p> <p>Infrastruktur tersebut akan diambil alih oleh majlis apabila disahkan berada di dalam keadaan yang baik, selesa dan selamat.</p>

EAN YONG HIAN WAH
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan

LAMPIRAN II

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG MASALAH PEMBERIAN PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CERTIFICATE OF COMPLETION AND COMPLIANCE “CCC”) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 OKTOBER, 2-6 NOVEMBER DAN 11-13 NOVEMBER 2015

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Ulasan MMKKN (jika ada)/ Tindakan		
			Setuju	Tidak Setuju	
		5.3 Ketua Jabatan/pengurusan tertinggi manaa-mana PBT perlu mengambil tindakan disiplin yang sesuai dan selaras dengan peruntukan perundangan dan tatacara sedia ada terhadap mana-mana pegawai yang didapati cuai dalam melaksanakan tugasan mereka dengan kadar segera supaya imej penjawat awam tidak tercalar. Merujuk kepada penemuan Jawatankuasa di perenggan 4.23, Jawatankuasa menyarankan supaya pihak MPK merujuk kakitangan terlibat ke Lembaga Tataterib MPK supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil.	Ya.		<p>Sebarang kecuai yang dilakukan oleh pegawai atau kakitangan, Majlis akan mengambil tindakan disiplin yang sesuai selaras dengan peruntukan perundangan dan tatacara yang ada.</p> <p>Berkaitan dengan isu kecuai pegawai iaitu merujuk kepada penemuan jawatankuasa di perenggan 4.23 tersebut, jabatan telah memberi Surat Tunjuk Sebab (STS) kepada dua (2) pegawai yang terlibat melalui surat bertarikh 2 Oktober 2015.</p> <p>Daripada maklumbalas dan penjelasan yang diberi oleh pegawai berkaitan lawatan pemeriksaan yang dilaksanakan pada 10 Oktober 2014 bersama Juruperunding adalah bagi memeriksa kerja - kerja siap sebagaimana disahkan oleh Juruperunding. Walaubagaimanapun pihak perunding tidak memaklumkan sebarang peristiwa atau percanggahan dengan pelan lulus bagi isu adanya paip bekalan air merentasi longkang konkrit tersebut.</p>

EAN YONG HIAN WAH
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan

LAMPIRAN II

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG MASALAH PEMBERIAN PEMATUHAN SIAP DAN PEMATUHAN (CERTIFICATE OF COMPLETION AND COMPLIANCE “CCC”) YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 30 OKTOBER, 2-6 NOVEMBER DAN 11-13 NOVEMBER 2015

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Setuju	Tidak Setuju	Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan
					<p>Melalui lawatan tapak bersama pihak Majlis dan pihak pemaju yang telah diadakan pada 8 Januari 2016 mengesahkan bahawa paip bekalan air tersebut telah dialihkan dan infrastruktur di tapak dalam keadaan yang baik.</p> <p>5.4 PBT-PBT perlu menjadi lebih proaktif dalam melaporkan sebarang ketidakpatuhan dan kegagalan pemaju dan juga perunding-perunding yang terlibat yang berkait di dalam melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap pembeli kepada KPKT dan juga badan-badan profesional yang terlibat. Merujuk kepada penemuan Jawatankuasa di perenggan 4.24, Jawatankuasa menyarankan supaya MPK melaporkan kegagalan pihak Arkitek ke Lembaga Tatatertib Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) dan pihak Jurutera ke Lembaga Tatatertib ‘Board of Engineers’ (BEM) Malaysia selaras dengan akta profesional masing-masing.</p> <p>Majlis mengambil berat tentang hal berkaitan pemaju yang melakukan yang melakukannya. Berkaitan dengan perkara yang mendatangkan ketidakpuasan hati pembeli ini, Majlis telah melaporkan perkara kegagalan perunding berkaitan kepada pihak lembaga badan profesional yang berkaitan seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none">1. Bagi perunding arkitek, KSK Arkitek – Majlis telah menghantar laporan kepada Lembaga Jurutera Malaysia melalui surat Majlis bertarikh 12 November 2015.2. Bagi Perunding Reka Sentral Sdn Bhd – Majlis telah menghantar laporan kepada Lembaga Jurutera Malaysia melalui surat Majlis bertarikh 2 Februari 2016.

EAN YONG HIAN WAH
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
Selangor Darul Ehsan